

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 6 November 2015 |

# Wakaf penggerak ekonomi negara

um-6/11/2015

Oleh NABIL BASARUDDIN

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 5 NOV.

**S**EKTOR wakaf mampu menjadi penggerak utama dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara secara mampan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, bagi membolehkan kemajuan dapat dicapai secara berterusan maka sektor wakaf harus diberi perhatian kerana ia adalah tuntutan utama khususnya ke atas orang Islam.


Menurut beliau, pada Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) yang lepas, tumpuan hanya diberikan kepada sektor ekonomi utama seperti pendidikan, kewangan Islam, teknologi hijau, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), namun kali ini ia adalah berbeza kerana wakaf dijadikan elemen utama.

"Kita juga berharap dengan adanya WIEF yang telah diadakan untuk kali ke-11, ia dapat meruncingkan lagi pertukaran idea serta meningkatkan fahaman mengenai kepentingan wakaf dalam kewangan Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas berucap dalam sesi perbincangan Peranan Kewangan Islam dan Wakaf dalam Sektor Penjagaan Kesihatan sempena WIEF ke-11 di sini hari ini.

Antara panel yang terlibat adalah Pengarah Urusan Bank Pelaburan Islam Eropah, Harris Irfan; Ketua Setiausaha Yayasan Awqaf & Hal Ehwal Minoriti, Tayeb Abdulrahman Al Rais; Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wakaf Kebangsaan Afrika Selatan, Zeinoul Abedien Cajee dan Pengarah Eksekutif Hospital Beyond Boundaries, Dr. Mohd. Fadil Lokman sebagai moderator.

Menurut Abdullah, wakaf merupakan elemen terpenting bagi institusi agama Islam dalam menyokong kebijakan sosial dan pembangunan ekonomi bagi sesebuah masyarakat dalam menyediakan pelbagai kemudahan seperti masjid, pendidikan dan perlindungan.



ABDULLAH AHMAD BADAWI memberi ucapan sewaktu hadir di Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur, semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, sektor kewangan Islam sentiasa memainkan peranan yang penting serta industri itu turut berkembang dari semasa ke semasa.

"Di Malaysia, pihak kerajaan sentiasa berusaha untuk mengukuhkan sistem kewangan Islam dengan mempelbagaikan inisiatif termasuklah pengiktirafan serta pembangunan wakaf," jelasnya.

Selain itu, katanya, Malaysia juga telah menubuhkan Yayasan Wakaf Antarabangsa Labuan pada tahun ini bertujuan menguruskan harta wakaf berdasarkan prinsip syariah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Na-

jib Tun Razak pada Julai lalu telah melancarkan Perbadanan Wakaf Nasional Bhd. (PWNB) dan Program Wakaf Korporat agar tahap sosio-ekonomi dapat ditingkatkan melalui penyediaan peluang perniagaan dan pekerjaan.

PWNB yang merupakan syarikat subsidiari milik penuh Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) diamanahkan untuk menjadi pelaksana kepada Program Wakaf Korporat itu iaitu skim wakaf yang disumbangkan pelbagai pihak dan diuruskan oleh badan yang diiktiraf sah oleh majlis-majlis agama Islam negeri.